

RM4 bilion bangunkan ladang tenusu skala besar

FELCRA, FGV
bersama syarikat
Qatar usahakan
projek di Chuping,
wujud 2,000
peluang pekerjaan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: FELCRA Berhad dan FGV Holdings Bhd bersama sebuah syarikat Qatar, Baladna Food Industries (Baladna) akan membangunkan ladang tenusu berskala besar di Chuping, Perlis, membabitkan nilai pelaburan RM4 bilion dan dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata menerusi perjanjian usaha sama yang dijangka ditandatangani Jun ini, sejumlah 208.8 juta liter susu segar disasar dihasilkan se-

tahun berasaskan lebih 14,000 lembu tenusu.

"Baladna ialah syarikat Qatar yang terbesar dalam membekal makanan dan produk tenusu dan ia berpotensi menjadi rakan kongsi FELCRA dan FGV dalam projek usaha sama pembangunan ladang tenusu berskala besar di Lembah Chuping.

"Disasarkan penghasilan 208.8 juta liter susu segar setahun berasaskan lebih 14,000 lembu tenusu.

"Baladna, FELCRA dan FGV sudah menandatangani memorandum kerjasama untuk mengkaji kebolehlaksanaan projek usaha sama pada Ogos 2021," katanya dalam satu hantaran di laman Facebooknya, semalam.

Perdana Menteri kini berada di Qatar pada lawatan rasmi tiga hari bermula Ahad lalu. Ia lawatan rasmi pertama Ismail Sabri ke Qatar selepas dilantik sebagai Perdana Menteri ke-9 pada 21 Ogos tahun lalu.

Kelmarin, Perdana Menteri melawat ladang Baladna, iaitu antara ladang ternakan lembu terbesar di rantau itu yang ter-



Ismail Sabri melihat pemprosesan susu lembu ketika melawat Ladang Baladna, di utara Doha.

(Foto BERNAMA)

letak kira-kira 60 kilometer di utara Doha, ibu negara Qatar.

"Lawatan hari kedua di Qatar yang amat sibuk. Saya dibawa melawat ladang Baladna, disambut Pengerusi Kumpulan Baladna Food Industries, Moutaz Al-Khayyat dan Pengarah Urusannya, Ramez Al-Khayyat, disusuli lawatan ke pusat pengeluaran susu lembu Holstein berkualiti Baladna," katanya.

Ismail Sabri juga memaklumkan, beliau turut melawat ladang sayuran organik, cendawan dan udang milik syarikat Agricco di Al Khor, kira-kira 50 kilometer di utara Doha dan menerima surat komitmen untuk pelaburan berjumlah AS\$360 juta daripada pe-

ngerusi syarikat, Ahmed Husain Al-Khalaf.

Terdahulu, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menerusi catatan di akaun Twiternya malam kelmarin, berkata projek tenusu berskala besar di Lembah Chuping menyediakan peluang besar kepada Malaysia dan Qatar untuk meningkatkan nilai dalam industri makanan Malaysia.

"Apa lebih penting lagi adalah untuk memastikan keselamatan makanan di rantau ini. Di bawah usaha sama menarik Baladna, FGV Holdings Bhd dan FELCRA, kerjasama ini akan membawa pelaburan, kepakaran dan tekno-

loginya untuk meningkatkan pengeluaran susu segar semasa Malaysia.

"Ia selaras dengan Agenda Keselamatan Makanan Nasional kami yang bertujuan mengurangkan kebergantungan Malaysia terhadap import tenusu. Pada masa sama, meningkatkan daya saing industri tenusu tempatan," katanya yang turut menyertai Perdana Menteri ke Qatar.

Azmin berkata, kemudahan tenusu Baladna yang berkeluasan lebih dua juta meter persegi mempunyai kapasiti untuk menempatkan hingga 24,000 lembu dalam persekitaran yang selesa dan berhawa dingin.